

UCAPAN BAJET 2021

1. PENDAHULUAN

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamu'alaikum w.b.t,

- 1.1 Alhamdulillah saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala kerana di atas limpah dan kurnia-Nya serta izin-Nya yang membolehkan kita berkumpul pada hari ini untuk saya bentangkan Bajet Majlis Bandaraya Petaling Jaya bagi tahun 2021.

- 1.2 Proses penyediaan Bajet 2021 telah bermula dari 4 hingga 7 Ogos 2020 di peringkat jabatan dan telah dipengerusikan oleh Puan Timbalan Datuk Bandar. Seterusnya, pembentangan Cadangan Bajet 2021 telah diadakan bersama Ahli Parlimen, ADUN dan Ahli Majlis pada 15 September 2020. Pembentangan ini telah memberi penjelasan secara terperinci ke atas cadangan Bajet 2021 yang memberi fokus kepada Perbelanjaan Pembangunan dan Tabung Akaun Amanah oleh Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Landskap dan Jabatan Perancangan Pembangunan. Pada 24 September 2020 pula telah diadakan sesi 'Town Hall' Dialog Bajet Tahun 2021 Bersama Ahli Majlis, Persatuan Penduduk/ Kawasan Rukun Tetangga (KRT)/NGO. Pembentangan Cadangan Bajet

2021 seterusnya telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan (Khas) Bajet pada 25 September 2020. Setelah melalui proses ini, maka pada hari ini dibentangkan Cadangan Bajet Tahun 2021 untuk kelulusan Majlis. Setelah diluluskan, Cadangan Bajet ini akan dikemukakan kepada pihak Kerajaan Negeri Selangor untuk pengesahan.

- 1.3 Pada penghujung bulan Disember 2019, dunia telah dikejutkan dengan penularan wabak baru Coronavirus atau kini dikenali sebagai Covid-19. Bukan sahaja dari segi kesihatan manusia sahaja yang terjejas, malah sektor ekonomi dunia juga turut menunjukkan penurunan dan kejatuhan. Sehingga saat ini, jangkitannya menjangkau lebih 180 buah negara termasuk Malaysia. Justeru itu, beberapa siri Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) telah diumumkan YAB Perdana Menteri. Situasi ini menyebabkan perkhidmatan Majlis kepada penduduk juga turut terjejas di mana kutipan hasil Majlis menurun sepanjang tempoh tersebut. Sehubungan itu, semakan semula Bajet 2020 Majlis telah dilaksanakan dan dijangka penurunan kutipan hasil sehingga 31 Disember 2020 adalah sebanyak RM35.55 juta atau 9.04%. Disebabkan penurunan kutipan hasil tersebut, maka Majlis juga telah mengurangkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM30.57 juta atau 7.46%. Semakan semula Bajet ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan bertarikh 20 Julai 2020.

- 1.4 Kesan ekonomi akibat penularan wabak Covid-19 yang lebih besar dijangka akan berlaku pada tahun 2021. Oleh itu, Bajet 2021 ini disediakan dengan mengambilkira kutipan hasil yang tidak dapat dipertingkatkan ke tahap yang paling maksima. Langkah-langkah penjimatan perlu diteruskan dan pemeriksaan bajet yang lebih teliti telah dilaksanakan di peringkat pengurusan. Mana-mana perbelanjaan pengurusan yang tidak relevan telah dipotong, dikurangkan atau diselesaikan dalam tahun ini juga. Walau bagaimanapun, perkhidmatan *back to basic* kepada penduduk tetap diberi keutamaan. Pihak jabatan akan menentukan kerja-kerja dan kos pembaikan yang kritikal bagi sesuatu aktiviti. Jika ia boleh dilaksanakan di dalam tahun semasa, ia akan diselesaikan dalam tahun semasa. Jika ia melibatkan kos yang tinggi, ia perlu dibuat kajian yang lebih terperinci dan perlu diperuntukkan di dalam bajet tahunan. Majlis akan berusaha untuk memastikan setiap aduan yang dibangkitkan diselesaikan dengan segera. Untuk mencapai matlamat ini, Majlis tidak akan sekali-kali mengabaikan pematuhan dari segi tatacara kewangan yang digunapakai supaya tidak berlaku salah laku dan tidak timbul pertanyaan audit di kemudian hari.
- 1.5 Penyediaan Bajet 2021 juga masih menggunakan kaedah *Zero Based Budgeting (ZBB)* berbanding kaedah *Modified Budgeting System (MBS)* kerana Majlis perlu menyediakan bajet berdasarkan kepada kemampuan

kewangan Majlis pada tahun 2021. Setiap perincian permohonan perbelanjaan disemak dengan teliti berdasarkan keperluan dan prestasi sebenar perbelanjaan tahun 2019 dan 2020. Kutipan hasil Majlis hendaklah menampung sepenuhnya jumlah Perbelanjaan Mengurus pada tahun 2021.

Ahli-Ahli Majlis yang dihormati,

2. TEMA BAJET 2021

2.1 Majlis Bandaraya Petaling Jaya beriltizam untuk menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah Bandaraya Pintar, Mampan dan Berdayatahan (*PJ SSR*) menjelang tahun 2030. Inisiatif ke arah bandaraya mampan telah dimulakan sejak tahun 2000 melalui pelaksanaan Local Agenda 21. Pada tahun 2012, Majlis telah menyediakan *Blue Print* Pembangunan Mampan dikenali sebagai '*PJ Sustainable 2030*' selaras dengan agenda *Smart City* Negeri Selangor dan komitmen untuk memastikan Petaling Jaya bukan sekadar bandaraya mampan malahan bandaraya yang berdaya tahan. Pada tahun 2017, Majlis telah menerima Kerangka Perancangan Strategik Bandaraya Petaling Jaya dijenamakan semula sebagai '*PJ Smart, Sustainable, Resilient 2030*'. Menjelang 2030, *dashboard* mengandungi maklumat keadaan semasa dan sasaran 2030 serta strategi pelaksanaan secara tahunan telah disediakan. Pelan Strategik Bandaraya ini telah menggabungkan semua inisiatif ke arah menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah bandaraya pintar, mampan dan berdaya tahan mengambilkira aspirasi penduduk Petaling Jaya, '*key areas*' *PJ Sustainable 2030* dan usaha lokalisasi *Sustainable Development Goals (SDGs)* Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Sasaran dan KPI yang ditetapkan oleh Majlis, Kerajaan Negeri, Kerajaan

Persekutuan dan *New Urban Agenda* diukur pencapaiannya melalui kaedah *Smart City*.

- 2.2 Elemen-elemen yang termasuk di bawah '*Smart*' adalah pembangunan aplikasi menggunakan IOT, sistem berasaskan perisian GIS, pelan *spatial PJ City One Map* bagi 42 *dashboard* berteraskan usaha menjadikan Petaling Jaya bandaraya '*clean*', '*green*', '*safe*', '*connected*' dan '*happy*' meliputi sektor '*City Planning & Development*', '*City Community Development*', '*City Business*', '*City Management & Enforcement*' dan '*City Town Services*'. *Dashboard* ini akan memberikan maklumat, penganalisan dan pencapaian KPI pembangunan mampan dan *resilient city* Petaling Jaya. Inisiatif pembangunan mampan dianalisa dan diukur pencapaian melalui *Dashboard Circular Economy*, *PJKITA Community*, *PKKPJ*, *Safe City*, *Learning City*, *Child Friendly City*, *Women Empowering Program*, *SPAH*, *Universal Design* manakala inisiatif *Resilient City* diukur pencapaian melalui *Dashboard Landuse Planning*, *Smart Material Change*, *OSHE*, *Smart Development Control*, *Low Carbon*, *I-Map Aduan*, *Environment Quality Control*, *Road Management*, *Disaster Prevention & Control*, *Drainage Management*, *Tree Management System*, *Building Enforcement*. Pelaksanaan *PJ Smart City* akan dibuat menggunakan peruntukan Tabung Amanah Caj Pemajuan.

- 2.3 Meskipun berdepan dengan situasi pandemik dan kelembapan ekonomi dan cabaran mengutip hasil cukai dan bukan cukai, bajet Majlis akan dibuat secara berhemah dan *back to basic*. Walau bagaimanapun, Majlis akan terus komited untuk melaksanakan Pelan Tindakan *PJ Smart, Sustainable, Resilient 2030* secara lebih fokus melalui kaedah *micro planning*. Pembangunan mampan adalah merupakan teras utama yang sangat sinonim dan relevan bagi bandaraya Petaling Jaya. Majlis juga melihat kepentingan mewujudkan *engagement*, hubungan rapat, memperkasakan dan memperluaskan rangkaian kolaborasi dengan segenap golongan komuniti. Kedua-dua aspek penting ini membentuk tema bajet tahun 2021. Oleh itu, sukacita saya memaklumkan bahawa tema Bajet Tahun 2021 adalah **'Petaling Jaya Mampan dan Inklusif'**.
- 2.4 Berdasarkan tema ini, Petaling Jaya akan dibangunkan berteraskan prinsip-prinsip berdayatahan dan berdayahuni, *'value for money'*, kemudahsampaian serta perkhidmatan mampu bayar, efisien dan pintar dengan memberi fokus kepada pembangunan seperti berikut:-
- 2.4.1 Program Pembangunan Mampan
 - 2.4.2 Kemampanan Infrastruktur dan Kemudahan Awam
 - 2.4.3 Kemampanan Taman, Landskap dan Alam Sekitar
 - 2.4.4 Kemampanan Pengurusan Sisa Pepejal, Pembersihan Awam dan Kesihatan Persekitaran

3. FOKUS BAJET 2021

3.1 Program Pembangunan Mampan

3.1.1 Program dan projek ke arah pembangunan mampan akan dilaksanakan melalui peruntukan yang disalurkan bagi Projek Bangunan Lestari iaitu sebanyak RM997,000 untuk inisiatif Sistem Pengumpulan Air Hujan (SPAH) di 10 buah sekolah sekitar Taman Medan, Damansara Damai, Bandar Sri Damansara dan Kota Damansara, Program Pengurusan Tenaga di Stadium Hoki, Arena PJ, Hub Bas Jalan Othman, Stadium Kelana Jaya, Kolam Renang dan Dewan D' Kelana, program pemantauan pengurusan tenaga di Perpustakaan Komuniti dan Dewan Sivik serta program kesedaran yang akan dianjurkan dengan Kerjasama SEDA Malaysia.

3.1.2 Geran Komuniti *PJ Social Environment Economy Development (PJ S.E.E.D)* berjumlah RM700,000 pula akan digunakan bagi merencanakan lagi usaha-usaha untuk melaksanakan inisiatif kemampanan di peringkat komuniti Petaling Jaya berdasarkan halatuju *PJ Smart, Sustainable and Resilient 2030* serta peruntukan sebanyak RM300,000 di bawah program *PJ Sustainable Community Award* yang membolehkan Majlis mengenalpasti dan mengiktiraf juara-juara dari kalangan komuniti

setempat yang telah menunjukkan pencapaian cemerlang dalam melaksanakan inisiatif komuniti mampan dan melokalisasi 17 *Sustainable Development Goals*.

- 3.1.3 Di bawah Program Kitar Semula pula, sebanyak RM300,000 akan disediakan bagi pembelian tong kitar semula yang akan diserahkan kepada penduduk setempat, pelaksanaan Program *Car Free Day* ke arah menggalakkan gaya hidup sihat sebanyak RM200,000, Projek Pemutihan Kawasan *Blackspot* di PPR Lembah Subang 1 dan 2 sebanyak RM200,000 dan Program *Local Agenda 21 Petaling Jaya* sebanyak RM150,000 bagi penganjuran '*PJ Knowledge Week*' dengan tema *SDGs* sepanjang tahun 2021.
- 3.1.4 Usaha-usaha ke arah mewujudkan bandaraya inklusif akan dilaksanakan melalui peruntukan yang disediakan di bawah Program Bandar Bebas Halangan sebanyak RM350,000 bagi projek menaiktaraf kemudahan orang kurang upaya (OKU) di Pusat Bandar SS2. Program-program bagi membina kapasiti golongan miskin bandar (OKU, warga emas, golongan B40) di kawasan Desa Mentari, Kg. Lindungan, Taman Medan dan Lembah Subang akan melibatkan program-program seperti *e-commerce* karung kitar, bengkel kemahiran, program penjanaaan pendapatan, karnival kerjaya, program tuisyen serta sumbangan-

sumbangan lain akan melibatkan peruntukan sebanyak RM300,000 di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar.

3.1.5 Meneruskan kesinambungan Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ) pula, sebanyak RM900,000 telah diperuntukkan kepada Persatuan Penduduk (RA), Rukun Tetangga (RT) dan Badan Pengurusan Bersama (JMB) pada tahun 2021. Sumbangan Geran ini adalah bertujuan untuk mewujudkan dan memperkasakan program di kawasan kejiranan penduduk yang kondusif dan selamat.

3.1.6 Majlis turut mensasarkan untuk menjadi bandar pertama di Malaysia yang mesra dan responsif terhadap golongan kanak-kanak (*Child Friendly City*) menjelang tahun 2023 dan diiktiraf di peringkat dunia oleh *UNICEF*. Ke arah itu, Majlis telah memperuntukkan sebanyak RM200,000 bagi penyediaan Pelan Tindakan Bandaraya Mesra Kanak-Kanak Petaling Jaya yang akan mengandungi dasar-dasar, polisi dan tindakan-tindakan ke arah mencapai sasaran tersebut.

3.1.7 Selain itu, golongan peniaga di gerai dan pasar Majlis yang selama ini turut memainkan peranan dalam merancakkan ekonomi bandar akan menerima faedah daripada program-program

mempromosikan pasar dan gerai Majlis apabila peruntukan sebanyak RM100,000 telah disediakan untuk tujuan tersebut.

3.2 Kemampanan Infrastruktur dan Kemudahan Awam

- 3.2.1 Sebagai PBT prihatin, Majlis akan memastikan pengurusan infrastruktur dan kemudahan awam yang inklusif dan berdayatahan di kawasan pentadbiran Petaling Jaya dilaksanakan. Walaupun berhadapan dengan kekangan sumber hasil yang hampir tepu, Majlis tetap berusaha memastikan penyelenggaraan dan pembaikan infrastruktur di beri keutamaan.
- 3.2.2 Pada tahun 2021 Majlis memperuntukkan sebanyak RM3.9 juta untuk kerja-kerja menurap jalan dan membaiki tapak siarkaki dan bebendul jalan melalui perlaksanaan pakej utara berjumlah RM450,000 dan pakej selatan juga berjumlah RM450,000. Manakala kerja-kerja membaiki tapak siarkaki dengan cadangan menaiktaraf bebendul median akan dilaksanakan di Jalan SS24/1 berjumlah RM100,000, di Jalan SS 26/2 berjumlah RM100,000 dan Jalan SS21/1 berjumlah RM500,000.
- 3.2.3 Program penyelenggaraan jalan akan diteruskan dengan kos sebanyak RM2.8 juta yang meliputi kerja-kerja mengecat garisan

jalan berjumlah RM900,000, menaiktaraf perabot jalan dengan membaiki *pedestrian railing*, *vehicle guardrail*, mengadakan bonggol jalan, papan tanda nama jalan dan papantanda isyarat serta bumbung pejalan kaki berjumlah RM1.48 juta. Selain itu, syor kajian lalulintas di Jalan SS3/60 dan di Jalan SS 24/1 diperuntukkan berjumlah RM300,000. Kerja-kerja menaiktaraf tempat letak kereta berjumlah RM400,000 juga diperuntukkan untuk dilaksanakan di Seksyen 52/6, SS21/35 dan di PJS 8/9. Untuk makluman semua, Majlis juga dijangka akan menerima Geran Penyelenggaraan Jalan (Marris) berjumlah RM26.66 juta pada tahun 2021.

3.2.4 Majlis pada tahun 2021 juga memberi keutamaan untuk menaiktaraf cerun di kawasan Petaling Jaya. Untuk itu peruntukan RM2.5 juta disediakan untuk kerja-kerja pembaikan dan penstabilan jambatan serta penyelenggaraan kawasan bercerun di Jalan PJU 3/22, PJU3, Tropicana, Petaling Jaya untuk Fasa 1, pengukuhan tembok penahan di antara perumahan di Jalan 17/31 dan Jalan 17/33, Seksyen 17 Petaling Jaya.

3.2.5 Untuk memastikan Petaling Jaya bandaraya berdayatahan, peruntukan bagi penyelenggaraan longkang sebanyak RM9.38 juta telah disediakan pada tahun 2021. Cadangan kerja-kerja

tebatan banjir dan menaiktaraf sistem perparitan akan dilaksanakan di kawasan seperti berikut :-

- i. Jalan SS 5A/18, SS 5A dan kawasan sekitar
- ii. Sebahagian Jalan Templer dan di Sekolah Vivikananda
- iii. Sebahagian Jalan PJS 3/40 akibat mendapan tanah
- iv. Sebahagian Jalan Mewah 6/9, Seksyen 6
- v. Sebahagian Jalan SS 7, SS 8/39 dan SS 8/7
- vi. Sebahagian Lorong 51A/227A, Seksyen 51A
- vii. Kawasan Pangsapuri Baiduri, Jalan 51A/224, Petaling Jaya

3.2.6 Selain itu, Majlis juga akan menaiktaraf bangunan dan kemudahan awam dengan peruntukan sebanyak RM9.9 juta bagi kerja-kerja menaiktaraf lantai dan peralatan di Pasar Jalan Othman, lantai gelanggang squash, membaiki kerosakan di Dewan Sivik serta menaiktaraf dan membaiki kerosakan di bangunan ibu pejabat dan Menara MBPJ.

3.3 Kemampanan Taman, Landskap Dan Alam Sekitar

3.3.1 Rejuvenasi Taman Dan Kawasan Lapang

Projek Rejuvenasi Taman Tasik Jaya sebagai taman warisan akan memberikan imej baharu kepada karektor bandar Petaling

Jaya. Untuk maksud itu, Majlis telah merancang usaha menaiktaraf dan membaikpulih taman ini secara berfasa dengan memperuntukkan sejumlah RM2 juta untuk fasa pertama bagi kerja-kerja menaiktaraf tebing tasik, sistem perparitan, sistem “*water gate*” dan kerja-kerja “*desilting*” kolam di Taman Tasik Jaya. Manakala fasa kedua yang melibatkan kerja-kerja menaiktaraf plaza, laluan pejalan kaki dan kemudahan rekreasi akan dilaksanakan pada tahun berikutnya.

Untuk merealisasikan hasrat Majlis dalam menyediakan kemudahan aktiviti riadah dan meningkatkan kesejahteraan kepada rakyat, Majlis telah memperuntukkan sejumlah RM1 juta bagi membangunkan sebuah taman awam di Padang Kota (Taman Jelutong), Seksyen 4 Kota Damansara yang merangkumi keluasan 19.4 ekar secara “*interconnected*” bagi mengimbangi kehijauan alam sekitar dan menampung keperluan rekreasi rakyat yang lebih mampan.

Selain itu, Majlis juga memperuntukkan sejumlah RM1.2 juta untuk kerja-kerja menaiktaraf kemudahan rekreasi, laluan pejalan kaki dan sistem saliran di lapan (8) kawasan lapang kepada Jabatan Landskap seperti senarai berikut :

- a) Kawasan lapang di Jalan SD 3/7, Bandar Seri Damansara,
- b) Kawasan lapang di Jalan BU 2/6, Bandar Utama,
- c) Kawasan lapang di Jalan SS 21/50, Damansara Utama,
- d) Kawasan lapang di Jalan SS 2/81, Sea Park,
- e) Kawasan laluan pejalan kaki di Lorong Utara Kecil, Kompleks Astaka,
- f) Kawasan lapang di Jalan 8/12,
- g) Kawasan lapang di Jalan PJS 1/47,
- h) Kawasan lapang di Jalan PJS 10/7A,

3.3.2 Kemampanan Alam Sekitar

Di dalam memacu pembangunan di Petaling Jaya, Majlis tidak mengabaikan kepentingan memelihara alam sekitar yang bersih dan kondusif. Program tanam pokok dalam bandar dipertingkatkan bagi mewujudkan suasana yang selesa dan sejahtera dalam mengimbangi pembangunan di bandar dengan kemampanan alam sekitar. Secara dasarnya program ini menekankan penanaman pokok teduhan yang bersifat rendah karbon terutama di dalam kawasan bandar selari dengan kerangka *PJ Low Carbon City Framework (LCCF)*. Bagi tujuan tersebut sejumlah RM90,000 diperuntukkan untuk penanaman

pokok teduhan bagi meneutralkan 40% karbon dioksida melalui pengurangan sumber karbon dan meningkatkan penyerapan karbon melalui pendekatan rekabentuk landskap menjelang tahun 2030.

Selain itu, kolam tadahan atau tasik yang terdapat di dalam taman-taman awam juga perlu diselenggara dengan baik agar ia dapat berfungsi sebagai penyerap karbon dioksida dari atmosfera dan membekalkan bekalan oksigen ke dalam air bagi keperluan hidupan akuatik. Bagi tujuan ini, Majlis memperuntukkan sebanyak RM150,000 bagi meneruskan penyelenggaraan sistem *aerator* di taman-taman awam yang mempunyai tasik sebagai tanda sokongan berterusan Majlis dalam memelihara kualiti persekitaran yang mampan.

3.3.3 Penyelenggaraan Landskap Dan Kemudahan Rekreasi

Menyedari betapa pentingnya pengurusan penyelenggaraan landskap sebagai perkhidmatan teras yang perlu disediakan kepada warga Petaling Jaya, Majlis telah memperuntukkan sejumlah RM13 juta untuk melaksanakan kerja-kerja

penyelenggaraan landskap di 37 kawasan secara inklusif merangkumi penyelenggaraan pokok teduhan, pemotongan rumput dan pembersihan serta pelupusan sampah kebun di taman awam dan kawasan lapang bagi mengekalkan persekitaran bandaraya yang bersih dan indah.

Aktiviti riadah sebagai amalan gaya hidup sihat di kalangan warga Petaling Jaya menjadi agenda utama di dalam pembentukan komuniti sejahtera dan bahagia, Majlis telah menyediakan ruang dan peluang untuk mereka beriadah di taman dan kawasan lapang di sekitar kediaman mereka. Untuk itu, Majlis memperuntukan sejumlah RM4.6 juta bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan di 14 buah taman awam dengan lebih komprehensif bagi meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan hidup rakyat di samping berfungsi sebagai platform integrasi sosial.

Selain dari itu, Majlis juga memperuntukkan sejumlah RM3.3 juta bagi melantik 15 kontraktor panel untuk membantu Majlis dalam melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan kerja-kerja pembaikan alatan senaman luar, peralatan permainan kanak-kanak dan kemudahan sediada di dalam taman dan sekitar

Petaling Jaya berdasarkan kepada penemuan di tapak atau aduan daripada pengguna.

3.3.4 Pembudayaan Landskap Dan Kemampanan Sosial

Majlis sentiasa prihatin dan komited dalam membantu meringankan bebanan warga Petaling Jaya dalam menghadapi tekanan ekonomi yang tidak menentu ekoran penularan pandemik Covid-19. Sebagai tanda kepedulian dan keprihatinan, Majlis telah memperuntukkan sejumlah RM200,000 untuk meneruskan pelaksanaan Program Pembudayaan Landskap bersama komuniti bagi menggalakkan penglibatan masyarakat dan meningkatkan kesedaran berkaitan landskap melalui Program Pertanian Bandar Kebun Kita dan Program Kawasan Lapang Angkat yang menjurus kepada kemampanan sosial di kalangan komuniti.

3.4 Kemampanan Pengurusan Sisa Pepejal, Pembersihan Awam dan Kesihatan Persekitaran

Antara halatuju Majlis adalah untuk menjadikan Petaling Jaya sebuah pusat kecemerlangan *Circular City* menjelang tahun 2030. Ke arah itu, pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam seperti termaktub dalam New Urban Agenda dan Sustainable Development Goals, SDG 11 dan 12 diberi fokus utama. Penekanan ke atas sektor ini tidak dapat diketepikan memandangkan aspek pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam mengambil hampir 31% daripada jumlah kutipan hasil cukai Majlis. Objektif pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam adalah menjadikan Petaling Jaya sebagai Masyarakat Sifar Sampah '*Zero Waste Society*', Pengurusan Sisa Yang Mampan '*Sustainable Waste Management*', Model Bandar Bersih '*Model City on Cleanliness*' dan Bandaraya Berkarbon Rendah '*Low Carbon City*'. Sehubungan itu, Majlis akan memperuntukkan sebanyak RM89.97 juta bagi merealisasikan objektif tersebut. Daripada pecahan tersebut, sejumlah RM58.04 juta atau 64.51% adalah dibayar kepada perkhidmatan yang diuruskan oleh *Project Management Company*, iaitu KDEB Waste Management, sebuah anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor termasuk anggaran RM8.4 juta bagi bayaran fi pelupusan sampah manakala baki RM31.93 juta adalah untuk perbelanjaan operasi, perkhidmatan *back up*, pembayaran perkhidmatan kontrak

pembersihan bangunan awam termasuk pasar dan medan selera, pengambilalihan kawasan baru serta pelaksanaan program memperkasakan konsep 3R di semua peringkat masyarakat.

Pada masa yang sama, sejumlah RM100,000 akan diperuntukkan untuk menganjurkan kursus kemahiran pengurusan pembersihan pasar dan medan selera awam demi meningkatkan tahap profesionalisma kontraktor. Selaras itu, Majlis akan memastikan piawaian dan spesifikasi kerja kontraktor adalah mematuhi tahap perkhidmatan yang ditetapkan dengan penekanan kepada kebersihan dan keceriaan Bandaraya Petaling Jaya.

Sejumlah RM100,000 telah diperuntukkan untuk menaiktaraf kemudahan kebuk sampah dan kemudahan-kemudahan berkaitan. Bagi tujuan tersebut, selain daripada elemen kebersihan umum, satu paradigma baru diperkenalkan bukan saja di bangunan kebuk sampah, malah pasar, medan selera, hab bas dan lain-lain di mana aspek keceriaan menerusi hiasan lukisan, struktur kesenian berasaskan barangan kitar semula dan elemen lanskap akan diberi fokus. Ke arah itu, penglibatan semua pemegang taruh khususnya golongan peniaga kecil untuk menjaga kebersihan petak gerai masing-masing, mengamalkan praktis kitar semula dan memastikan

penggunaan kemudahan awam secara beretika adalah sangat penting dan akan diperhalusi lagi.

Pengurusan 3R pada tahun 2021 akan diperluaskan selaras dengan skop definisi ekonomi kitaran ataupun *circular economy*. Ke arah itu, Majlis dengan kerjasama beberapa organisasi sedang merangkakan satu pelan *Petaling Jaya Circular Economy Road Map 2030* sebagai kerangka panduan pelaksanaan. Antaranya, konsep ini menyarankan kepada penggunaan sumber secara optima dan efisien bermula daripada peringkat rekabentuk dan perancangan, pengurangan pembaziran dan penggunaan semula sisa hasil daripada proses pengeluaran dan selepas hayat hidup barangan. Ini bukan sahaja terhad kepada sisa sampah, tetapi sumber lain seperti tenaga dan air. Majlis akan meneruskan usaha mengurangkan penggunaan bahan dan penjanaaan sampah serta penstoran dan rawatan menerusi strategi 3R, perubahan paradigma minda masyarakat dan aplikasi teknologi hijau dengan lebih giat. Seiring itu, pengurusan *circular economy* Majlis akan dipantau menerusi *dashboard Smart City Petaling Jaya* kelak. Majlis akan memperuntukkan sebanyak RM200,000 melalui program publisiti dan kempen Jalinan Kasih 3R PJKITA, *Spring Cleaning*, Pengkomposan Sisa Makanan menerusi kaedah *waste to energy*, Pengasingan Sampah di sumber dan Kempen *Waste Warriors* yang bertujuan untuk memupuk semangat Sisa Sifar dan nilai kitar semula di kalangan masyarakat dan

semua pemegang taruh lain demi mencapai sasaran PJ Mampan 2030 dan Masyarakat Sisa Sifar 2030 di samping pengurangan kos pelupusan sampah.

Pada masa yang sama, selain daripada barangan kitar semula seperti kertas, aluminium, logam dan kaca yang biasa dikutip, bahan lain seperti kotak minuman, *styrofoam*, minyak masak terpakai, kulit kelapa, plastik dan sisa elektronik isirumah turut akan diberi perhatian. Sejumlah RM200,000 akan diperuntukkan bagi melengkapkan keperluan elektrik di *PJ Eco Recycling Plaza* di SS8 demi memantapkan lagi plaza ini sebagai hab pembelajaran berkenaan kitar semula dan pemprosesan hasilan *upcycle* di bawah konsep *circular economy* yang terunggul di Malaysia.

Bagi memperkasakan lagi pengasingan sampah domestik yang merbahaya terutamanya sisa buangan berjadual isirumah seperti bateri, alat elektrik rumah, lampu dan *bulb* di bawah strategi 3R serta memenuhi keperluan rawatan sisa berjadual di tempat kerja selaras dengan *OSHE* dan *ISO 14001*, Majlis akan memperuntukkan RM300,000 bagi melengkapkan perkhidmatan dan kemudahan rawatan sisa berjadual di samping memperkenalkan skim kitar semula *household E-Waste* secara berperingkat. Skim ini diharap akan dapat mendidik masyarakat berkenaan kepentingan sisa berjadual isirumah yang membahayakan

pekerja serta mencemar tapak pelupusan dan alam sekitar jika tidak diasingkan dengan sisa domestik.

Bagi Program Penghijauan, sejumlah RM400,000 diperuntukkan bagi memperkasakan lagi program *Low Carbon Cities Framework PJ (LCCF PJ)*. Pemantauan pencapaian *LCCF PJ* akan diperkasakan lagi dengan program membina kapasiti daripada sokongan *GTALCC*, *SEDA* dan *UNDP*. Program meningkatkan tahap pemasangan tenaga pembaharuan suria berasaskan konsep *NEM* akan diperkenalkan dengan sokongan *GTALCC* dan *UNDP*. Di samping itu, sejumlah RM250,000 akan diperuntukkan bagi program Skim Rebat Cukai Taksiran. Skim rebat cukai taksiran yang menawarkan 100% atau RM500, mana yang lebih rendah kepada pemilik rumah mesra alam akan diperkasakan lagi pada tahun hadapan dengan pengenalan aplikasi *Apps E-Rebat* demi memudahkan pengurusan permohonan dan penyimpanan rekod. Sukacita saya memaklumkan bahawa MBPJ kekal sebagai Pihak Berkuasa Tempatan tunggal di Malaysia yang memberikan perakuan dalam bentuk rebat cukai kepada masyarakat yang mengamalkan gaya hidup mampan dan mengaplikasikan teknologi hijau. Di samping itu, skim meletak kereta secara percuma bagi pembeli kereta hibrid atau elektrik daripada kedai jualan di Petaling Jaya, pemasangan lampu *LED* di lorong belakang,

pemberian tong kompos dan latihan di *Smart PJ Waste Solution Lab* secara percuma akan diteruskan.

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

4. STRATEGI BAJET 2021

Bajet Majlis tahun 2021 dirangka berlandaskan kepada strategi berikut :-

4.1 Hasil Cukai Taksiran adalah berdasarkan kepada:-

- i. Jumlah pegangan harta yang aktif bagi tahun 2020;
- ii. Jangkaan tambahan pegangan harta baru pada tahun 2021; dan
- iii. Pengubahsuaian hartanah berdasarkan keluasan dan kegunaan ruang lantai.

Nilaian tahunan dan kadar cukai taksiran adalah tidak berubah.

Hasil cukai taksiran juga telah disemak semula berdasarkan unjuran pendapatan sebenar yang boleh dikutip pada tahun 2021 di mana Majlis tidak mengambilkira pengecualian cukai yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada rumah kos rendah dan juga rumah kampung yang berjumlah RM5.8 juta.

- 4.2 Hasil Bukan Cukai adalah berdasarkan kepada punca hasil sedia ada. Penyediaan bajet bagi kategori hasil bukan cukai adalah berdasarkan kepada prestasi sebenar tahun 2019 dan juga prestasi separuh tahun 2020. Kadar hasil lesen, denda dan kompaun, fee dan caj adalah sama seperti tahun 2020. Majlis juga mengkaji punca hasil baru yang dijangka boleh dikutip pada tahun 2021.
- 4.3 Perbelanjaan Mengurus tidak melebihi daripada jumlah hasil yang dijangka akan dikutip bagi tahun 2021. Berdasarkan penyediaan bajet '*Zero Based Budgeting*', setiap peruntukan Perbelanjaan Mengurus adalah diperiksa dengan teliti. Kelulusan peruntukan adalah bergantung kepada pelaksanaan aktiviti mengikut kemampuan Majlis.
- 4.4 Manakala anggaran perbelanjaan pembangunan telah disediakan dengan mengambilkira kemampuan dan kedudukan kewangan semasa serta kemampuan jabatan teknikal untuk pelaksanaan projek pada tahun hadapan. Majlis memfokus kepada kerja/projek penyelenggaraan yang telah dikenalpasti oleh jabatan sebagai keutamaan yang perlu dilaksanakan terutama yang mempunyai kadar aduan yang tinggi.
- 4.5 Terdapat projek pembangunan yang dibiayai oleh peruntukan Akaun Amanah. Sumber kutipan akaun amanah diterima daripada Kerajaan Negeri ataupun sumbangan daripada pemaju. Perbelanjaan melalui

akaun amanah telah dinyatakan secara khusus di dalam Surat Ikatam Amanah (Trust Deed) sewaktu penubuhannya. Jumlah perbelanjaan Akaun Amanah adalah setakat mana kutipan yang diterima oleh Majlis.

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

5. CADANGAN BAJET 2021

5.1 Pada tahun 2021 Majlis mencadangkan bajet defisit di mana anggaran hasil dan perbelanjaan keseluruhan Majlis adalah seperti berikut:

Butiran	2020 RM	Agihan Belanja (%)	2021 RM	Agihan Belanja (%)	Tambah/ (Kurangan)	
					RM	(%)
Hasil	392,933,330		391,787,050		(1,146,280)	(0.29%)
Perbelanjaan Mengurus	319,909,360	78.05%	318,956,860	78.10%	(952,500)	(0.30%)
Perbelanjaan Pembangunan	89,942,520	21.95%	89,426,420	21.90%	(516,100)	(0.57%)
Jumlah Perbelanjaan	409,851,880	100.00%	408,383,280	100.00%	(1,468,600)	(0.36%)
(Defisit)	(16,918,550)		(16,596,230)			
Peratusan	(4.31%)		(4.24%)			

5.2 Cadangan Bajet 2021 menunjukkan peratusan defisit yang dicadangkan lebih rendah berbanding tahun 2020 iaitu daripada 4.31% atau RM16.92 juta kepada 4.24% atau RM16.60 juta. Cadangan awal sewaktu penyediaan bajet 2021, Majlis mengunjurkan untuk menyediakan bajet berimbang, walau bagaimanapun sewaktu pemeriksaan dan pembentangan terdapat isu-isu perbandaran yang perlu Majlis tangani pada tahun 2021. Maka unjuran bajet defisit perlu disediakan oleh Majlis pada tahun 2021.

5.3 Majlis akan sentiasa memantau prestasi kutipan hasil dan juga perbelanjaan supaya rezab tunai Majlis akan berada di dalam keadaan yang positif.

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

6. HASIL

6.1 Punca-punca utama hasil Majlis adalah seperti berikut:

Butiran	2020 RM	2021 RM	Tambah / (Kurangan)	
			RM	%
Hasil Cukai	262,015,500	270,000,000	7,984,500	3.05
Hasil Bukan Cukai	121,576,560	110,674,840	(10,901,720)	(8.97)
Terimaan Bukan Hasil	9,341,270	11,112,210	1,770,940	18.96
Jumlah	392,933,330	391,787,050	(1,146,280)	(0.29)

6.2 Hasil Cukai

6.2.1 Tahun 2021 dijangka menampakkan peningkatan daripada sumber hasil cukai taksiran. Pada tahun 2021, Majlis mengunjurkan penambahan hasil cukai taksiran sebanyak RM7.9 juta. Penambahan sumber hasil ini adalah daripada pembangunan kawasan baru di sekitar kawasan Petaling Jaya.

6.2.2 Selain itu, bagi tahun 2021 Majlis tidak mengambilkira hasil cukai taksiran bagi pengecualian rumah kos rendah dan rumah kampung yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri bermula pada tahun 2016. Hasil cukai yang tidak diambilkira adalah berjumlah RM5.8 juta.

6.2.3 Hasil cukai taksiran merupakan punca hasil utama Majlis yang menyumbang sebanyak 68.9% daripada anggaran hasil Majlis.

Majlis perlu mempertingkatkan usaha untuk mengutip hasil cukai sekurang-kurangnya 95% bagi memastikan segala perancangan perbelanjaan yang dirancang dapat dilaksanakan. Saya menyeru kepada pemegang harta di Petaling Jaya untuk menjelaskan cukai taksiran mengikut tempoh yang ditetapkan. Kutipan cukai taksiran ini amat bermakna bagi meneruskan program/ kerja yang telah dirancang oleh Majlis.

6.3 Hasil Bukan Cukai

6.3.1 Hasil Bukan Cukai yang akan dikutip pada tahun 2021 adalah berjumlah RM110.67 juta iaitu penurunan sebanyak RM10.9 juta atau 8.97% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM121.57 juta. Anggaran Hasil Bukan Cukai adalah berdasarkan keadaan ekonomi semasa di mana impak pandemik Covid-19 terhadap hasil Majlis dijangka akan berterusan sehingga tahun 2021.

6.3.2 Perincian Hasil Bukan Cukai bagi tahun 2021 adalah seperti berikut :-

Butiran	2020 RM	2021 RM	Tambahhan/ (Kurangan)	
			RM	%
Lesen, Bayaran Pendaftaran & Permit	28,632,500	28,308,000	(324,500)	(1.13)
Perkhidmatan & Bayaran Perkhidmatan	30,351,330	31,214,280	862,950	2.84
Jualan Barang- Barang	1,181,000	1,350,080	169,080	14.32
Sewaan	24,860,700	18,382,150	(6,478,550)	(26.06)
Keuntungan & Perolehan Dari Pelaburan	17,405,730	12,070,030	(5,335,700)	(30.65)
Denda & Kempaun	19,145,300	19,350,300	205,000	1.07%
Jumlah	121,576,560	110,674,840	(10,901,720)	(8.97)

6.3.3 Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan

- i. Ia merupakan punca hasil yang tertinggi dikutip di bawah kategori Hasil Bukan Cukai iaitu berjumlah RM31.21 juta pada tahun 2021 berbanding RM30.35 juta pada tahun 2020.

- ii. Berikut adalah punca-punca hasil daripada Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan :-

Butiran	2020 RM	2021 RM	Tambahan/ (Kurangan)	
			RM	%
Bayaran Proses Pelan	3,302,600	3,412,000	109,400	3.31
Bayaran Perkhidmatan	66,000	1,280,000	1,214,000	1839.39
Perkhidmatan Kubur	330,190	329,260	(930)	(0.28)
Kolam Renang	430,000	405,000	(25,000)	(5.81)
Perkhidmatan Letak Kereta	19,316,000	19,634,500	318,500	1.65
Yuran	2,226,700	2,273,900	47,200	2.12
Perkhidmatan Proses Pelan Lesen/ Permit	11,000	11,000	0	0.00
Lain-lain Bayaran dan Perkhidmatan	4,668,840	4,868,620	199,780	4.28
Jumlah	30,351,330	31,214,280	862,950	2.84

6.3.4 Lesen, Bayaran Pendaftaran & Permit

- i. Hasil daripada Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit merupakan punca hasil kedua tertinggi di dalam kategori Hasil Bukan Cukai. Hasil Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit mengalami sedikit pengurangan walaupun

kadar fee lesen pada tahun 2021 adalah sama seperti tahun 2020 disebabkan oleh keadaan ekonomi semasa.

- ii. Berikut adalah punca-punca hasil daripada Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit :-

Butiran	2020 RM	2021 RM	Tambahan/ (Kurangan)	
			RM	%
Lesen Iklan Tetap	13,705,500	0	(13,705,500)	(100.00)
Lesen Iklan Sementara	1,890,000	0	(1,890,000)	(100.00)
Lesen Perubahan Status Bangunan	850,000	1,200,000	350,000	41.18
Lesen Perniagaan Perusahaan	6,784,000	0	(6,784,000)	(100.00)
Lesen-Lesen Perniagaan Industri	223,000	0	(223,000)	(100.00)
Lesen Penjaja, Gerai & Pasar	35,000	35,000	0	0.00
Lesen Hiburan	1,790,000	1,582,000	(208,000)	(11.62)
Lesen Pusat Perkhidmatan	795,000	0	(795,000)	(100.00)
Lain-Lain Lesen/Pendaftaran dan Permit	2,560,000	25,491,000	22,931,000	895.74
Jumlah	28,632,500	28,308,000	(324,500)	(1.13)

6.3.5 Sewaan

Hasil sewaan pada tahun 2021 dianggarkan akan berkurang sebanyak RM6.4 juta daripada unjuran hasil pada tahun 2020 yang berjumlah RM24.86 juta kepada RM18.38 juta. Penurunan yang ketara ini adalah kerana Majlis menjangkakan sumber daripada permohonan penyewaan iklan di perhentian bas serta iklan di bahagian luaran dan dalaman bas (*PJ City Bus*) tidak mendapat sambutan daripada mana-mana syarikat atau badan korporat berdasarkan trend dan keadaan ekonomi semasa. Oleh yang demikian, pada tahun 2021 unjuran bagi sumber daripada permohonan penyewaan iklan di perhentian bas serta iklan di bahagian luaran dan dalaman bas (*PJ City Bus*) tidak diambilkira di dalam anggaran kutipan hasil sewa Majlis.

Lain-lain peningkatan daripada punca hasil sewaan adalah seperti berikut :-

Butiran	2020 RM	2021 RM	Tambahan/ (Kurangan)	
			RM	%
Sewa Kompleks	0	192,000	192,000	100.00
Sewa Pasar	3,015,960	3,548,380	532,420	17.65

Butiran	2020 RM	2021 RM	Tambahan/ (Kurangan)	
			RM	%
Sewa Pejabat dan Kilang	1,960,020	2,006,100	46,080	2.35
Sewa Kompleks Penjaja/Gerai	1,576,100	1,493,060	(83,040)	(0.53)
Sewa Balairaya dan Dewan Komuniti	1,389,680	1,541,200	151,520	1.09
Sewa Kompleks Sukan	465,000	326,340	(138,660)	(2.98)
Lain-Lain Sewaan	16,453,940	9,275,070	(7,178,870)	(4.36)
Jumlah	24,860,700	18,382,150	(6,478,550)	(2.61)

6.3.6 Keuntungan dan Perolehan daripada Pelaburan

Pada tahun 2021 punca hasil daripada Keuntungan dan Perolehan daripada Pelaburan akan mengalami penurunan yang ketara. Penurunan sebanyak RM5.33 juta berbanding anggaran tahun 2020 yang berjumlah RM17.405 juta kepada RM12.07 juta disebabkan oleh kadar pulangan simpanan tetap oleh bank-bank menurun dengan begitu ketara pada tahun 2020. Kadar-kadar simpanan tetap yang ditawarkan oleh bank adalah bergantung kepada kadar asas yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Selain itu, ia juga bergantung kepada jumlah lebih tunai yang

dimiliki oleh Majlis untuk membuat simpanan tetap. Berdasarkan keadaan ekonomi pada masa sekarang, Majlis menjangkakan kadar yang ditawarkan oleh bank pada tahun 2021 akan setara atau berkemungkinan akan lebih rendah.

6.3.7 Denda dan kompaun

- i. Punca hasil daripada denda dan kompaun akan meningkat sebanyak RM205 ribu daripada tahun 2020 yang berjumlah RM19.15 juta kepada RM19.35 juta. Majlis akan melaksanakan beberapa pemantauan terutama ke atas kesalahan binaan tanpa kebenaran dan juga kesalahan di bawah Jabatan Kawalan Bangunan. Kompaun daripada Jabatan Penguatkuasa akan meliputi semua kesalahan di Majlis terutama yang melibatkan kesalahan lalulintas.
- ii. Berikut adalah punca-punca hasil daripada denda dan kompaun :-

Butiran	2020 RM	2021 RM	Tambah/ (Kurangan)	
			RM	%
Bayaran Denda Pelan Bangunan	2,000,000	2,000,000	0.00	0.00
Bayaran Notis - Cukai Taksiran	2,800,000	3,414,000	614,000	21.93
Bayaran Waran Tahanan	615,000	586,000	(29,000)	(0.47)
Denda Atas Kontrak Kerja	1,160,000	855,000	(305,000)	(2.63)
Bayaran Denda - Perpustakaan MBPJ	25,000	25,000	0.00	0.00
Denda Kesalahan Menjalankan Pemajuan Tanpa Kebenaran	250,000	307,500	57,500	23.00
Caj Pentadbiran	200,000	0	(200,000)	(100.00)
Surcaj Kakitangan	2,000	2,000	0.00	0.00
Denda Kehilangan Tong Sampah	0	300,000	300,000	100.00
Denda Pelanggaran Syarat Lesen Berisiko	17,500	17,500	0.00	0.00
Denda Kesalahan Binaan Tanpa Kebenaran	400,000	357,500	(42,500)	(1.06)
Caj Notis Peringatan	800	800	0.00	0.00
Kompaun - Jabatan Kesihatan	285,000	285,000	0.00	0.00
Kompaun - Unit Kawal Selia	100,000	0	(100,000)	(100.00)
Kompaun Penguatkuasa	11,140,000	11,000,000	(140,000)	(0.13)
Kompaun Jabatan Kawalan Bangunan	150,000	200,000	50,000	33.33
Jumlah	19,145,300	19,350,300	205,000	1.07

6.4 Terimaan Bukan Hasil

6.4.1 Terimaan Bukan Hasil merupakan terimaan daripada kerajaan dan juga terimaan bayaran balik berjumlah RM11.11 juta yang dijangka akan diterima pada tahun 2021 seperti berikut:-

Butiran	2020 RM	2021 RM	Tambahan	
			RM	%
Caruman Bantuan Kadar	2,159,650	3,672,900	1,513,300	70.07
Geran Keseimbangan	5,000,000	5,000,000	0	0
Pulangan Balik Perbelanjaan	2,181,620	2,438,110	256,,490	11.76
Jumlah	9,341,270	11,112,210	1,770,940	18.96

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

7. PERBELANJAAN

Jumlah Perbelanjaan Majlis pada tahun 2021 adalah dipecahkan seperti berikut:-

Butiran	2020 RM	2021 RM	% Agihan	Tambahan/ (Kurangan)	
				RM	%
Perbelanjaan Mengurus	319,909,360	318,956,860	78.10%	(952,500)	(0.30)
Perbelanjaan Pembangunan	89,942,520	89,426,420	21.90%	(516,100)	(0.57)
Jumlah	409,851,880	408,383,280	100.00%	(1,468,600)	(0.36)

7.1 PERBELANJAAN MENGURUS

7.1.1 Perbelanjaan Mengurus boleh dipecahkan kepada 5 kategori seperti berikut:-

Butiran	2020 RM	2021 RM	Tambahan/ (Kurangan)	
			RM	%
Emolumen	122,975,470	125,954,100	2,978,630	2.42
Perkhidmatan & Bekalan	186,742,970	183,579,860	(3,163,110)	(1.69)
Aset	2,625,800	1,907,310	(718,490)	(27.36)

Butiran	2020 RM	2021 RM	Tambahhan/ (Kurangan)	
			RM	%
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	1,444,010	1,299,010	(145,000)	(10.04)
Perbelanjaan Lain	6,121,110	6,216,580	95,470	1.56
Jumlah	319,909,360	318,956,860	(952,500)	(0.30)

Butiran terperinci pembelian aset atau perbelanjaan yang tidak berulang (*One Off*) adalah seperti di Lampiran 1.

7.1.2 Peratus Agihan Perbelanjaan Mengurus

Jika dilihat daripada pecahan peratusan perbelanjaan mengurus pula, peratusnya adalah seperti berikut:

Butiran	2021 RM	Peratus %
Emolumen	125,954,100	39.49%
Perkhidmatan & Bekalan	183,579,860	57.56%
Aset	1,907,310	0.60%

Butiran	2021 RM	Peratus %
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	1,299,010	0.41%
Perbelanjaan Lain	6,216,580	1.95%
Jumlah	318,956,860	100.00%

Butiran Perkhidmatan dan Bekalan yang melebihi RM500,000 dan ke atas adalah seperti di Lampiran 2.

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

7.2 PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

Jumlah Perbelanjaan Pembangunan tahun 2021 berbanding dengan tahun 2020 adalah seperti berikut:-

Butiran	2020 RM	2021 RM	Tambahan/ (Kurangan)	
			RM	%
Perkhidmatan & Bekalan	66,778,010	68,148,920	1,370,910	2.05

Butiran	2020 RM	2021 RM	Tambahan/ (Kurangan)	
			RM	%
Menaiktaraf Aset, Menaiktaraf Kemudahan dan Pembelian Aset	21,750,010	20,270,000	(1,480,010)	(6.80)
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	1,414,500	1,007,500	(407,000)	(28.77)
Jumlah	89,942,520	89,426,420	(516,100)	(0.57)

Pada tahun 2021, Majlis perlu mengurangkan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM516 ribu. Namun begitu, Majlis tetap tidak meminggirkan projek/ kerja infrastruktur yang perlu ditambah baik yang akan memberi impak besar kepada masyarakat. Di bawah Jabatan Kejuruteraan, terdapat 11 Akaun Amanah dan di bawah Jabatan Perancangan Pembangunan, terdapat 6 Akaun Amanah yang berupaya untuk melaksanakan projek pembangunan. Setakat 31 Ogos 2020 akaun-akaun tersebut mempunyai baki berjumlah RM170.511 juta.

Perincian Perbelanjaan Pembangunan adalah seperti di Lampiran 3.

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

8. ANGGARAN PERJAWATAN TAHUN 2021

Bagi menjadikan Petaling Jaya sebuah Bandaraya Pintar, Mampan dan Berdayatahan (*PJ SSR*) menjelang tahun 2030, Majlis menuntut komitmen yang jitu daripada semua lapisan warga kerja Majlis bagi melaksanakan sistem penyampaian perkhidmatan (*delivery system*) yang berkesan. Warga kerja Majlis perlu menjalani latihan dan perlu dipertingkatkan pengetahuan dan kemahirannya agar memiliki kepakaran dan disemaikan dengan semangat kerja dan komitmen yang tinggi. Untuk tujuan ini, semangat kerja berpasukan di antara Ahli Majlis dengan warga kerja Majlis perlu sentiasa dipupuk dan disemai dalam suasana kerja yang harmoni dan saling melengkapi. Justeru itu, dalam menggalas tanggungjawab ini, peningkatan kualiti kerja secara berterusan yang menekankan kepada daya pemikiran, sahsiah diri, kreativiti, inovasi dan daya saing akan diberi keutamaan di kalangan warga Majlis.

Pada tahun 2021, Majlis mengambil langkah untuk tidak melaksanakan pertambahan jawatan baru. Tambahan beban tugas akan disusun dan diagihkan di kalangan perjawatan sediaada. Walau bagaimanapun, sebanyak 1 jawatan kontrak (*trade off* 1 jawatan sediaada) telah diluluskan dengan anggaran bajet keseluruhan bagi tahun 2021 dan tiada melibatkan implikasi kewangan.

8.1 Berikut adalah ringkasan keseluruhan jawatan yang diluluskan bagi setiap jabatan/ bahagian.

Bil	Jabatan/Bahagian/Unit	Baru	Tukar Taraf (TT)	Tukar Gred (TG)	Catatan	Jumlah Keseluruhan Permohonan	Keseluruhan Implikasi Kewangan (RM)
1.	Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta	-	-	1	Kontrak	1 Pembantu Penilaian Gred W19	Tiada implikasi kewangan (Trade Off 1 Pembantu Kemahiran (Kontrak)- Gred H19 sedia ada.
JUMLAH KESELURUHAN PERUNTUKAN BAGI TAHUN 2021		-	-	1	Kontrak	1	Tiada Implikasi Kewangan

8.2 Perincian jawatan yang diluluskan adalah seperti berikut:-

i. 1 jawatan tukar lantik iaitu:

- 1 jawatan Pembantu Kemahiran (Kontrak)-Gred H11 ditukar lantik kepada 1 jawatan Pembantu Penilaian Kontrak-Gred W19.

8.3 MAKLUMAT PERJAWATAN PEGAWAI / KAKITANGAN MBPJ.

Berikut adalah ringkasan Peruntukan Perjawatan MBPJ Tahun 2021.

Bil	Kumpulan Perkhidmatan	Peruntukan Tetap (Merujuk Waran Perjawatan Bilangan 3/2020)	Peruntukan Kontrak	Peruntukan PSH	Peruntukan 'Contract For Service'	Jumlah Keseluruhan
1	Kumpulan Pengurusan Tertinggi	2	0	0	0	2
2	Kumpulan Pengurusan & Profesional Kumpulan A	74	43	0	3	120

Bil	Kumpulan Perkhidmatan	Peruntukan Tetap (Merujuk Waran Perjawatan Bilangan 3/2020)	Peruntukan Kontrak	Peruntukan PSH	Peruntukan 'Contract For Service'	Jumlah Keseluruhan
3	Kumpulan Pelaksana Kumpulan B	226	208	0	14	448
4	Kumpulan Pelaksana Kumpulan C	616	491	58	47	1212
5	Kumpulan Pelaksana Kumpulan D	369	97	7	19	492
6	Kumpulan Pelaksana (Mahir/Separuh Mahir/Tidak Mahir)	7	0	0	31	38
Jumlah Keseluruhan Tahun 2021		1,294	839	65	114	2,312

8.4 Keseluruhan Peruntukan Perjawatan MBPJ bagi tahun 2021 adalah sebanyak 2,312 kakitangan dengan pecahan seperti berikut:-

Taraf Jawatan	Peruntukan
Tetap	1,294
Kontrak	839
Pekerja Sambilan Harian (PSH)	65
'Contract For Service'	114
Jumlah	2,312

8.5 Pecahan peruntukan perjawatan MBPJ Tahun 2020 adalah seperti berikut:

Bil	Kumpulan Perkhidmatan	Peruntukan Tetap (Merujuk Waran Perjawatan Bilangan 3/2020)	Peruntukan Kontrak	Peruntukan PSH	Peruntukan 'Contract For Service'	Jumlah Keseluruhan
1	Kumpulan Pengurusan Tertinggi	2	0	0	0	2

Bil	Kumpulan Perkhidmatan	Peruntukan Tetap (Merujuk Waran Perjawatan Bilangan 3/2020)	Peruntukan Kontrak	Peruntukan PSH	Peruntukan 'Contract For Service'	Jumlah Keseluruhan
2	Kumpulan Pengurusan & Profesional Kumpulan A	74	43	0	3	120
3	Kumpulan Pelaksana Kumpulan B	226	208	0	14	448
4	Kumpulan Pelaksana Kumpulan C	616	491	33	47	1,219
5	Kumpulan Pelaksana Kumpulan D	369	97	7	19	492
6	Kumpulan Pelaksana (Mahir/Separuh Mahir/Tidak Mahir)	7	0	0	31	38
Jumlah Keseluruhan Tahun 2020		1,294	839	40	114	2,287

8.6 Sehubungan itu, perbezaan perjawatan bagi tahun 2020 dan 2021 adalah seperti berikut:-

Taraf Jawatan	Tahun		Perbezaan Tahun 2020 dan 2021
	2020	2021	
Tetap	1,294	1,294	0
Kontrak	839	839	0
Pekerja Sambilan Harian (PSH)	40	65 (Mengikut bajet PSH daripada Bahagian Sumber Manusia berdasarkan permohonan jawatan PSH oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat)	25
Contract For Service	114	114	0
Jumlah Keseluruhan	2,287	2,312	25

9. KESIMPULAN

Ahli-ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

Pengalaman Majlis menyediakan bajet secara *defisit* yang lalu membuktikan perbelanjaan berhemah, memperkukuh budaya kerja cekap dan berintegriti dan menutup ruang pembaziran serta ketirisan telah berjaya mengurangkan bajet *defisit* kepada satu jumlah yang munasabah.

Majlis berazam melalui langkah-langkah perbelanjaan secara berhemah, hasilnya dapat dipulangkan semula kepada penduduk melalui pelbagai program pembangunan dan insentif kepada penduduk Petaling Jaya. Oleh itu, Bajet 2021 yang telah disediakan di harap dapat memenuhi hasrat Majlis untuk mentadbir kawasan Petaling Jaya dengan cekap dan berkesan serta dapat memenuhi kehendak semua lapisan penduduk selaras dengan tema '***Petaling Jaya Mampan dan Inklusif***'.

Majlis berusaha untuk mentadbir kawasan Majlis dengan lebih telus dan memberi fokus kepada menangani isu-isu semasa dan memenuhi ekspektasi semasa penduduk. Majlis akan terus menguruskan kewangannya dengan berhemah dan mematuhi tatacara kewangan yang digunapakai bagi memastikan perbelanjaan yang efektif dan '*value for money*' agar manfaat perbelanjaan itu sampai kepada semua golongan penduduk di Petaling Jaya.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan bajet Majlis bagi tahun 2021 iaitu Anggaran Hasil berjumlah RM391,787,050, anggaran Perbelanjaan Mengurus berjumlah RM318,956,860, Anggaran Perbelanjaan Pembangunan berjumlah RM89,426,420, 1 jawatan Pembantu Kemahiran (Kontrak), Gred H19 sediada tukar lantik kepada Pembantu Penilaian (Kontrak), Gred W19 dengan tidak melibatkan implikasi kewangan dan kadar cukai taksiran seperti yang dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan Majlis.

Sekian, terima kasih.

“SELANGOR MAJU BERSAMA”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

(DATO' MOHD SAYUTHI BIN BAKAR, *D.P.M.S , S.M.S*)

Datuk Bandar,

Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 25 September 2020